



Manuscript Title: Manfaat Sinergi Penggunaan Sirih Dan Pinang Dalam Perubatan Tradisional:
Analisa Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu Terpilih

Authors: Siti Fatimah Kamaruddin and Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Accepted Date: 29-April-2024

Please cite this article as: Siti Fatimah Kamaruddin and Ros Mahwati Ahmad Zakaria. Manfaat sinergi penggunaan sirih dan pinang dalam perubatan tradisional: Analisa terhadap manuskrip perubatan Melayu terpilih. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

MANFAAT SINERGI PENGGUNAAN SIRIH DAN PINANG DALAM PERUBATAN TRADISIONAL: ANALISA TERHADAP MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU TERPILIH

SYNERGIC BENEFITS OF USING BETEL LEAF AND ARECA NUT IN TRADITIONAL MEDICINE: ANALYSIS OF SELECTED MALAY MEDICAL MANUSCRIPTS

Siti Fatimah Kamaruddin* and Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Corresponding author: fatimahzahra88@gmail.com

ABSTRACT

*Old Malay medical manuscripts record local wisdom regarding health science. This medical manuscript is one of the authoritative references in understanding Malay medical doctrine. Betel (*Piper betle* L.) and betel nut (*Areca catechu* L.) are among the combinations of materia medica that have been used to treat human diseases for centuries. In this modern era, the Malay community is less familiar with betel nut medicine which is practiced by some Malay communities and also old Malay medical experts who are knowledgeable in this medicine. Therefore, it is hoped that with this paper, the Malaysian community will be more aware of the medicinal value of betel nut plant. This paper will discuss on the types and methods of treating diseases that used betel nut based on the transliterated books of Tibb MSS 2999 and Tibb book of Terengganu Museum. The method of content analysis by qualitative research is used based on the two Tibb books. The two Tibb books were selected based on the use of different betel nut synergistic formulations for each disease. From the research, it was found that several diseases were treated by using the betel nut combinations and accompanied by other medical materials. Among those diseases are cough, heartburn, fever, broken body parts, shingles and several other diseases that have become the norm in today's society. Therefore, scientific studies need to be intensified and publicised so that modern society's confidence towards betel nut medicine can be formed.*

Keywords: Betel, areca nut, Malay medicine, Tibb books, local wisdom.

ABSTRAK

Manuskrip perubatan Melayu lama merekodkan kearifan lokal berkenaan ilmu sains kesihatan. Manuskrip perubatan ini merupakan salah satu rujukan yang berwibawa dalam memahami doktrin perubatan Melayu. Sirih (*Piper betle* L.) dan pinang (*Areca catechu* L.) merupakan antara gandingan materia medika yang digunakan untuk merawat penyakit manusia secara zaman berzaman. Di zaman yang serba moden ini, masyarakat Melayu kurang mengenali perubatan sirih pinang yang dipraktikkan oleh sesetengah masyarakat Melayu dan juga ahli-ahli perubatan Melayu lama yang arif dalam perubatan ini. Maka, diharapkan dengan makalah ini, masyarakat Malaysia akan lebih cakna berkenaan nilai perubatan yang terdapat pada tumbuhan sirih pinang. Makalah ini akan membincangkan jenis-jenis penyakit dan kaedah rawatannya yang menggunakan sinergi sirih pinang berdasarkan kepada kitab Tibb yang telah ditransliterasi iaitu Kitab Tib MSS 3126, MSS 2999 dan Kitab Tib Muzium Terengganu. Ketiga-tiga Kitab Tibb tersebut dipilih berdasarkan kepada penggunaan formulasi sinergi sirih pinang yang berbeza bagi setiap penyakit. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan sumber primer berpaksikan kepada ketiga-tiga kitab tibb tersebut. Melalui penelitian tersebut, terdapat jenis penyakit yang dirawat dengan menggunakan gandingan sirih pinang dan disertai dengan materia medika yang lain. Antara penyakit tersebut adalah batuk, sakit ulu hati, demam, ubat patah, kayap dan beberapa masalah kesihatan yang telah menjadi norma dalam masyarakat kita pada hari ini. Oleh yang demikian, kajian-kajian saintifik perlu dirancarkan lagi dan diuar-uarkan agar keyakinan masyarakat moden terhadap perubatan sirih pinang dapat dibentuk.

Kata kunci: Sirih, pinang, perubatan Melayu, kitab Tibb, kearifan lokal.

PENGENALAN

Etnoperubatan merupakan cabang kepada bidang etnobotani dan didefinisikan sebagai praktik perubatan tradisi yang berpaksikan kepercayaan dan amalan perubatan oleh pelbagai etnik (Calderon et al. 2019). Asas teori dan praktis sistem perubatan Melayu yang dirakamkan dalam manuskrip membuktikan bahawa masyarakat Melayu sudah lama menjadikan sumber alam sebagai satu ikhtiar rawatan untuk manusia dan juga haiwan. Memetik kata-kata Sheikh Nuruddin al-Raniri bahawa ilmu *tibb* (perubatan) itu merangkumi pengetahuan yang berkait dengan segala aspek tubuh badan insan, pemeliharaan kesihatan tubuh dan bertujuan menyembuhkan segala penyakit insan (Naseer 2020). Kesedaran mengenai peri pentingnya tumbuhan ubatan untuk kesihatan manusia sejagat telah memacu kepada pelaburan dana dalam ekspedisi etnobotani di kawasan-kawasan

tropikal oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan badan-badan farmaseutikal swasta. Usaha mendokumentasikan pengetahuan berkenaan tumbuhan ubatan dan pengumpulan sampel bagi kajian saintifik dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut dan kajian yang sama turut dijalankan di Malaysia (Samuel et al. 2010).

Dalam naskhah perubatan Melayu lama, elemen tumbuhan sirih seringkali digandingkan dengan pinang dalam merawat sesuatu penyakit. Sebagaimana yang tercatat dalam Kitab *Suma Oriental*, Tom Pires menyatakan bahawa antara tahun 1512 dan 1515, amalan eksotik yang diperhatikan pada waktu itu adalah amalan menyirih iaitu memakan sirih dan pinang (Khir 2013). *Betele* dan *areca* yang merujuk kepada sirih dan pinang dalam bahasa Portugis merupakan perkataan yang diambil dari perkataan Malayalam *vetilla* dan *adekka*. Justeru, ianya menggambarkan bahawa amalan menyirih ini pertama kali diperhatikan oleh orang-orang Portugis dan tradisi memakan sirih pinang ini kemungkinan berasal dari Kepulauan Indonesia seperti yang dibuktikan oleh catatan Ibn Batuta dan Vasco da Gama (Perpustakaan Negara Malaysia 2001). Selain itu, bukti arkeologi dan linguistik juga menunjukkan bahawa tumbuhan sirih dan pinang ini merupakan tumbuhan asli di Kepulauan Melayu (Khir 2013).

Materia medika sirih pinang yang tercatat dalam *The Book of Malayan Medicine* menyatakan bahawa materia medika sirih pinang yang digunakan dalam pengubatan Melayu merujuk kepada bahan *betel quid*, iaitu bahan yang digunakan dalam menyirih iaitu tumbuhan sirih dan pinang (Gimlette dan Burkill 1930). Tambahan lagi, bukti arkeologi dan linguistik juga menunjukkan bahawa tumbuhan sirih dan pinang ini merupakan tumbuhan asli di Kepulauan Melayu (Khir 2013).

Selain itu, terdapat banyak penyelidikan sains berkaitan tumbuhan sirih dan pinang yang dijalankan di dalam dan di luar negara. Penyelidikan-penyelidikan tersebut melaporkan sifat terapeutik kedua-dua tumbuhan ubatan tersebut berdasarkan kepada kajian farmakologi tumbuhan dan kesan sinerginya bersama dengan tumbuhan herba yang lain (Soni dan Sharma 2020; Wei Peng et al. 2015).

LATAR BELAKANG MANUSKRIP PERUBATAN

Manuskrip perubatan Melayu atau *Kitab Tib* merupakan salah satu sumber yang berwibawa dalam memahami doktrin perubatan Melayu. Asas teori dan praktis sistem perubatan Melayu yang dirakamkan dalam manuskrip ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu sudah lama menjadikan sumber alam sebagai satu ikhtiar rawatan untuk manusia dan juga haiwan. Memetik kata-kata Sheikh Nuruddin al-Raniri bahawa ilmu *tibb* (perubatan) itu merangkumi pengetahuan yang berkait dengan segala aspek tubuh badan insan, pemeliharaan kesihatan tubuh dan bertujuan menyembuhkan segala penyakit insan (Naseer 2020).

Manuskrip perubatan Melayu terbahagi kepada dua kategori umum iaitu pertama; manuskrip yang menyatakan nama judul dan nama pengarang, manakala kategori kedua pula tidak dinyatakan nama pengarang (atau nama penyalin) dan tidak mempunyai judul khusus serta lebih dikenali dengan nama *Kitab Tib* atau *Kitab Tabib* (Pisol 2014). Kajian mengenai pandangan Islam terhadap perubatan tradisional Melayu telah dijalankan oleh Nadzri bin Khalib pada tahun 1988. Penulis menyatakan pandangan Islam terhadap perubatan Melayu tradisional yang digunakan di dalam masyarakat Melayu seperti jampi, mengurut, perubatan daun dan akar kayu, serta penggunaan azimat. Selain itu, penulis turut menyertakan dalil-dalil dari Al-Quran dan Hadis dalam menanggapi konsep perubatan yang sudah berakar umbi dalam masyarakat Melayu lama. Selebihnya, kajian terhadap beberapa naskah perubatan tradisional telah dijalankan oleh pengkaji tempatan pada tahun 1995 dengan memfokuskan kepada konsep kesihatan dan etnofarmakologi. Rangkuman mengenai pengenalan sesuatu manuskrip, konsep kesihatan dan idea-idea farmakologi yang diterangkan oleh kitab-kitab yang berbeza jelas menunjukkan bahawa konsep kesihatan yang dibawa dan pemilihan materia medika yang dipegang oleh para tabib Melayu ini cukup dekat dengan tradisi perubatan Arab (Pisol 2013).

Selain itu, manuskrip perubatan Melayu juga turut mencatatkan pelbagai jenis jampi serapah dan mantera yang berbentuk pemujaan. Hal ini bermula sebelum masyarakat alam Melayu mula mengenali Islam dan mereka meyakini bahawa alam ghaib yang dipanggil sebagai hantu, jembalang, pocong atau pelesit ini memiliki semangat. Mereka juga mempercayai bahawa ciptaan Tuhan seperti gunung, lembah, pohon besar dan gua mempunyai roh atau kekuatan magis yang dapat dimanfaatkan sesuai dengan keinginan dukun yang membaca jampi dan mantera (Iswadi & Suryo 2017). Maka, bertitik tolak daripada kepercayaan tersebut, bermulanya penggunaan jampi dan mantera dalam pengubatan sesuatu penyakit. Pengubatan yang dijalankan dengan elemen jampi serapah dan mantera dianggap akan menjadi lebih mujarab (Abdul Samad 1988). Walau bagaimanapun, kehadiran Islam ke tanah Melayu sejak kurun ke-9 secara tidak langsung telah mengubah sudut pandang (*worldview*) masyarakat di Tanah Melayu kepada pandangan alam Islam, terutamanya dalam aspek perubatan. Hal ini memungkinkan penerapan unsur keislaman seperti ayat-ayat Al-Quran dan juga ungkapan selawat yang ditonjolkan dalam penulisan naskah perubatan Melayu. Sebagai contohnya, ungkapan seperti "*Bismillahir Rahmanir Rahim*" dapat dilihat pada permulaan penulisan dan diakhiri dengan lafaz "*Dengan berkat kalimah Lailaha illallah, Muhammadar-Rasulullah*" (Abdul Samad 1988; Taib 1989; Asmiaty dan Fadila 2018). Penggunaan jampi yang berbentuk doa, ayat-ayat Al-Quran, hadis Nabi, permohonan syafaat daripada Nabi Muhammad dan berkat daripada para Rasul serta para aulia dalam perawatan Melayu berperanan sebagai pemangkin kepada keberkesanan jampi tersebut melalui niat seseorang (Abdul Samad 1988).

Selebihnya, perubatan Melayu yang mendapat pengaruh Galenism Arab (Greek-Arab) telah disesuaikan dengan pendekatan Islam oleh para ahli perubatan Islam khususnya dari Andalusia dan seterusnya tersebar melalui pendakwah Islam ke Alam Melayu. Tambahan lagi, perkembangan Islam yang pesat di Tanah Melayu juga telah berupaya mengubah peranan dan praktik shamanisme oleh pawang atau bomoh secara berperingkat agar sejajar dengan ajaran Islam (Pisol 2014). Justeru, dapat disimpulkan bahawa kearifan masyarakat Melayu dalam perawatan penyakit tidak hanya tertumpu kepada penggunaan ubat-ubatan yang bersumberkan flora dan fauna semata-mata. Malah, elemen kerohanian yang wujud dalam pengubatan melalui doa, zikir dan keyakinan kepada Allah s.w.t mampu memberi harapan baru kepada pesakit dengan menyumbang kepada keseimbangan spiritual, emosi dan jasmani.

MORFOLOGI DAN TABURAN SIRIH PINANG

Tumbuhan sirih (*Piper betle L.*) merupakan tumbuhan yang sering dimanfaatkan untuk tujuan perubatan. Sirih yang berasal dari keluarga *Piperaceae* ini tumbuh subur di sepanjang Asia Tropika sehinggalah ke Afrika Timur dan telah tersebar di seluruh wilayah Indonesia, Malaysia, Thailand, Sri Lanka, India dan Madagaskar (Md Farid et al. 2017). Manakala, tumbuhan pinang merupakan sejenis tumbuhan dari keluarga *Aeraceae* atau dikenali sebagai keluarga *Palmae* dan telah tersebar secara meluas di Asia Selatan dan Asia Tenggara (Wei Peng et al. 2015).

Sirih merupakan sejenis tumbuhan memanjat dan mampu mencapai ketinggian sehingga 15 kaki. Daunnya yang berbentuk tunggal berbentuk seakan jantung, hujungnya runcing, bahagian tepi agak rata dan mempunyai bentuk daun yang melengkung. Daun sirih mempunyai ukuran antara 8 hingga 12 sentimeter lebar, manakala panjangnya berukuran antara 10 hingga 15 sentimeter. Apabila daun sirih diramas, ianya akan mengeluarkan bau yang sedap. Manakala, batang sirih pula berwarna coklat kehijauan dan memiliki ruas tempat keluarnya akar sirih. Selain itu, buah sirih berbentuk seperti telur yang mempunyai ukuran kecil-kecil, berbulu halus, berwarna kehijauan hingga keabu-abuan (Anita Rasuna et al. 2021).



Rajah 1: Daun sirih (Anim Agro Technology 2011)

Manakala, pokok pinang yang mempunyai akar serabut pula tumbuh tinggi secara tegak dengan ketinggian 10 hingga 30 meter, dan mempunyai diameter berukuran antara 15-20 sentimeter. Tanaman pinang mampu mencecah usia sehingga 60 hingga ke 100 tahun. Buah pinang berwarna hijau ketika ianya masih muda, dan berubah menjadi warna jingga atau merah kekuningan setelah masak. Buah pinang mempunyai biji di bahagian dalamnya dan mempunyai kulit yang mengandungi serat. Bentuknya seperti bentuk bulat telur, dan panjang buah pula antara 3 hingga 7 sentimeter dengan diameternya dari 4 hingga 5 sentimeter.



Rajah 2: Pokok pinang dan buah pinang tua (Anim Agro Technology 2011)

SIRIH PINANG DARIPADA PERSPEKTIF MODEN

Amalan mengunyah sirih (*betel quid chewing*) kebiasaannya terdiri daripada ramuan pinang dan kapur yang dibalut dengan menggunakan daun sirih (IARC

2004). Buah pinang yang digunakan dalam amalan menyirih merupakan bahan universal yang biasa digunakan selepas tembakau, alkohol dan kafein (Gupta dan Warnakulasuriya 2002). Praktis mengunyah sirih ini diamalkan secara meluas oleh populasi di Tenggara dan Selatan Asia seperti di Malaysia, India, Nepal, Bangladesh, Pakistan, Sri Lanka, Taiwan dan Myanmar (Kister et al. 2017). Tambahan lagi, sesetengah negara yang mempraktikkan amalan ini cenderung untuk menambah tembakau dalam ramuan kunyahan. Namun, Yoshikawa, Yamada dan Matsuhima (2021) menyatakan bahawa praktik amalan mengunyah sirih yang ditambah dengan ramuan tembakau atau hanya sekadar bahan utamanya masih mempunyai kesan buruk kepada kesihatan.

Amalan mengunyah sirih sering dikaitkan dengan punca (etiologi) terjadinya fibrosis submukosa mulut, leukoplakia, dan kanser mulut dalam kalangan pengunyah sirih (Lee et al. 2003; Wan Maria Nabillah et al. (2011). Malah, kajian-kajian yang menonjolkan faktor-faktor ke arah penamatan amalan menyirih ini menunjukkan bahawa amalan menyirih (*betel quid*) mampu menyumbang kesan buruk terhadap kesihatan pengunyah sirih (Shue et al. 2008; Wan Maria Nabillah et al. 2011). Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pemberhentian dalam kebiasaan menyirih di kalangan orang dewasa di Malaysia adalah disebabkan oleh faktor jantina, umur, etnik dan sejarah tabiat merokok.

Walau bagaimanapun, dilaporkan bahawa kekerapan mengunyah sirih dan jenis campuran ramuan dalam tabiat menyirih merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada pemberhentian amalan ini. Selain itu, faktor seperti taraf pendidikan, tabiat minum arak, petanda machoism dan norma sosial juga merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada penamatan amalan menyirih. Wan Maria Nabillah et al. (2011) menyatakan bahawa hal ini terjadi disebabkan oleh kekurangan ilmu berkaitan kesan karsinogenik yang bakal dialami hasil daripada tabiat menyirih. Maka dapat disimpulkan bahawa kesan karsinogenik tersebut dipengaruhi oleh kekerapan amalan menyirih dan tempoh masa menyirih, jenis-jenis ramuan campuran dan kuantiti ramuan yang digunakan selain daripada latar belakang gaya hidup penyirih yang berkait dengan pengambilan alkohol dan juga tabiat merokok. Amalan menyirih yang sudah menyalahi amalan nenek moyang memberi impak yang negatif kepada amalan leluhur yang unik ini.

Program-program kesihatan dan kesedaran perlu dijalankan secara menyeluruh bagi memfokuskan kepada golongan yang berpotensi mengalami masalah kanser mulut hasil daripada amalan menyirih. Risiko kanser mulut tersebut dikaitkan dengan tempoh masa dan kekerapan mengunyah yang dipraktikkan oleh individu tersebut (Warnakulasuriya et al. 2002). Maka, dengan kajian etnoperubatan yang

mendalam, masyarakat akan lebih memahami kaedah pengamalan yang sebenar dan khasiatnya dari sudut amalan tradisi dan sains kontemporari. Pengamalan sirih pinang yang tepat akan menjadikan amalan tradisi nenek moyang ini tidak disalahkan dan mampu membawa masyarakat Melayu moden kembali menghayati falsafah yang tersirat dalam setiap amalan tradisi leluhur.

SIRIH PINANG DARIPADA PERSPEKTIF TRADISI

Walaupun budaya sirih pinang semakin memudar, namun masih ada beberapa daerah dan wilayah di Nusantara yang mempraktikkannya dengan pelbagai kaedah dan fungsi yang bermula dari sudut sosial, budaya, ekonomi sehinggalah ke aspek perubatan. Sebagai contohnya, dari sudut pembudayaan tumbuhan sirih pinang, masyarakat dari pelbagai daerah di Indonesia sudah sebatian dengan amalan menyirih. Wilayah atau daerah di Indonesia yang masih lagi mempraktikkan amalan tradisi ini adalah wilayah Sumba Barat, Kabupaten Seram Barat, Menggarai dan Papua.

Tradisi menyirih yang dinyatakan merujuk kepada praktik mengunyah daun sirih, buah pinang dan kapur (Arief et al. 2019). Masyarakat di Negeri Riring, Kecamatan Taniwel mempraktikkan amalan menyirih dengan memakan daun sirih terlebih dahulu dan kemudian memakan pinang. Setelah kedua-dua sirih dan pinang dikunyah, sedikit kapur dimakan dan ramuan tembakau ditambah mengikut keinginan si pemakan dalam amalan menyirih. Sirih pinang yang berfungsi sebagai simbol ikatan kekeluargaan yang erat mempunyai makna yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui sirih yang bertindak sebagai lambang kepada kulit manusia, manakala pinang pula menunjukkan simbol daging dan air ludah hasil kunyahan sirih pinang yang berwarna merah diterjemahkan sebagai darah (Serli et al. 2020). Oleh kerana sirih pinang begitu dekat dengan budaya Alam Melayu, maka terdapat banyak rangkap pantun Melayu yang berkaitan dengan kedua-dua sumber alam tersebut.

Antara contoh rangkap dalam pantun Melayu yang mengaplikasikan penggunaan tumbuhan sirih dan pinang adalah seperti berikut (Perpustakaan Negara Malaysia 2001):

Berlipat sirih pinang
Sirih dari Pulau Mutiara
Pemanis kata selamat dayang
Awal Bismillah pembuka bicara.

Makan sirih berpinang tidak
Pinang ada di bawah tangga
Makan sirih mengenyang tidak

Tanda budi dengan bahasa.
Sirih junjung sirih pinang
Sirih kami susun bertingkat
Adat dijunjung pusaka dikenang
Bangsa berbudi hidup muafakat.
Sirih junjung sirih pinang
Sirih kuning diberi nama
Adat dijunjung pusaka dikenang
Hidup berbudi muafakat bersama.

Sirih kuning sirih dara
Sirih tanya beserta cincin
Hidup beradat aman sejahtera
Budaya lama tetap terjamin.

SIRIH PINANG DARIPADA PERSPEKTIF MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU KLASIK

Sirih Pinang Dalam Kitab Tibb MSS 3126, MSS 2999 dan Kitab Tibb Muzium Terengganu

Dapatan daripada Kitab Tibb MSS 3126, Kitab Tibb Muzium Terengganu dan Kitab Tibb MSS 2999 menunjukkan beberapa penyakit menggunakan sirih pinang sebagai materia medika dan digabungkan dengan beberapa materia medika yang lain sebagai ubat. Antara penyakit yang direkodkan adalah balgham, sakit ulu hati, demam tenat, demam kura, ubat sekalian, bersimpul, ubat rahawa makan tulang, ubat salat dalam perut, ubat kuat zakar dan lain-lain. **(Lihat lampiran)** menunjukkan gabungan materia medika yang lain dan kaedah rawatan yang direkodkan dalam ketiga-tiga Kitab Tibb tersebut:

Kepelbagaian Preskripsi Rawatan

Melalui Jadual 1, 2 dan 3 di atas, kaedah rawatan sirih pinang tertumpu kepada kaedah rawatan secara oral dan topikal yang menggunakan sumber materia medika berasaskan akar tumbuhan, dedaun, rempah ratus dan tumbuhan herba yang lain. Kaedah pengubatan tersebut bertepatan dengan kaedah perubatan konvensional yang menggunakan ubatan kapsul dan krim sapuan di bahagian luar. Kaedah topikal pengubatan sirih pinang meliputi kaedah secara sapuan, semburan dan mandian. Selain itu, pengubatan sirih pinang yang direkodkan juga memperlihatkan gabungan materia medika yang melebihi daripada satu. Jadual 4 menunjukkan ringkasan kaedah pengambilan preskripsi sirih pinang bersama

gabungan materia medika yang lain seperti yang direkodkan dalam ketiga-tiga kitab Tibb tersebut.

Jadual 1. Pengubatan sirih pinang berdasarkan Kitab Tibb MSS 3126

Penyakit	Materia medika	Kaedah rawatan
Balgham	Sirih, pinang, buah kapulaga, kapur	3 helai sirih kuning, pinang, cendana dan buah kapulaga ditumbuk dengan kapur, kemudian airnya diperah dan diminum awal hari
Sakit ulu hati	Sirih, pinang, daun kayap-kayap, daun delima, jintan hitam, jintan putih	Kedua-dua jenis daun diambil sama banyak beserta dengan jintan hitam dan putih lalu disembur pada bahagian sakit dengan sirih pinang.
Demam tenat	<i>i.</i> Sirih, pinang, daun tapak leman, daun nyaring, daun kerukub burung, jintan kedua <i>ii.</i> sirih, pinang, daun herbal <i>iii.</i> sirih, pinang, daun tapak leman, daun kuntum daun pekan tarik hitam, daun ruku-ruku, jintan kedua, daun balik angin, daun balik adap, daun kunyit tiga hiris	<i>i.</i> Kesemua ramuan disembur ke seluruh tubuh dengan sirih pinang <i>ii.</i> Daun herbal disembur dengan sirih pinang <i>iii.</i> Kesemua bahan ditumbuk lumat dengan sirih pinang kemudian dihangatkan dengan api secara suam dan disapu pada seluruh tubuh selama tiga hari tanpa mandi. Selepas genap tiga hari ramuan daun kepayang dan kulitnya, daun jarak berama, daun kunyit, daun pisang yang kelat kering direbus dan dibuat mandian.
Ubat sekalian	Sirih, pinang, daun dan kulit kepayang, daun jarak berama, daun kunyit, daun pisang kelat kering	Tiga pek sirih pinang ditumbuk lumat-lumat dan dibubuh pada tempat sakit. Kemudian hangatkan pada api suam-suam dan sesudahnya jelmakan pada seluruh tubuh sebanyak tiga hari tanpa mandi. Setelah genap tiga hari, rebus semua daun kepayang dan kulitnya, daun jarak berama, daun kunyit, daun pisang kelat dan mandi tiga pagi.
Demam kura	Sirih, pinang, kulit mulafari	Kulit mulafari diukur hingga pusat dan kemudian dimakan dengan sirih pinang
Bersimpul	Sirih, pinang, cabai, pucuk kapas keling, lengkuas, pucuk limau jalang, lada sulah	Kesemua ramuan disembur dengan sirih pinang ke tempat yang sakit
Ubat rahawa makan tulang (urat bersimpul)	<i>i.</i> Sirih, pinang, akar melada pahit, akar terung pipit, akar cabai, lada sulah barang secawan <i>ii.</i> Sirih, pinang, akar melada, akar hidup, akar matera, akar limau	Kesemua ramuan disembur dengan sirih pinang ke tempat yang sakit bagi kedua-dua jenis preskripsi

Sirih pinang dalam perubatan tradisional

	nipis, akar limau purut, akar limau kerat lintang, lada sulah, kemukus, jintan hitam, jintan putih, bawang, cekur, benggali <i>iii.</i> Sirih, pinang, akar cenderih, akar tapak leman, akar sepakir, akar cawan), jerangau, air limau nipis	
Ubat salad dalam perut	Bawang putih, sawi, garam dan beberapa ramuan yang tidak dapat dibaca akibat tulisan telah hilang	Kesemua ramuan dihancurkan dengan sirih pinang dan dimakan. Manakala air pinang disapu kepada perut yang sakit.
Ubat kuat zakar	Sirih, pinang, temu irang, akar lekandemi, akar maja	Kesemua bahan dipipis lumat-lumat dan dimakan dengan sirih pinang

Jadual 2. Pengubatan sirih pinang berdasarkan Kitab Tibb Muzium Terengganu

Penyakit	Materia medika	Kaedah rawatan
Ubat badam	Sirih, pinang, daun sembung, akar ribu-ribu, akr mertapi, akar merlada, akar tampam, akar larak, akar rotan bini, akar rotan pahit, akar kaduk, akar limau kerbau, akar mara-mara	Kesemua bahan dimamah dengan sirih pinang dan disemburkan kepada penyakit itu tiga hari. Setelah selesai hampasnya dibuang ke jalan yang bercabang tiga.
Ubat gigi	i. Sirih, pinang, gorak, kirang landak ii. Sirih, pinang, sena, kerakap, terung perat iii. Sirih, pinang, gorak pasar, karang-karang pasir	i. Akar gorak dan kirang landak dimakan dengan sirih pinang. ii. Daun sena, akar kerakap, akar sirih hantu, daun terung perat dan dipipis, kemudian dibubuh air pinang. iii. Akar gorak pasar dan karang-karang pasir dimakan dengan sirih pinang tua.
Burut	i. Sirih, pinang, susun kelapa ii. Sirih, pinang, lada sulah, bawang putih, bonglai, tampar besi, kapur iii. Sirih, pinang, bulangan, kapur	i. Akar susun kelapa dimakan dengan sirih pinang. ii. Ambil tujuh biji lada sulah, bawang putih, bonglai, daun tampar besi, sirih yang luruh dan pinang tua dan disemburkan. Semburan pertama tujuh biji, yang kedua lima biji dan yang ketiga satu kali sembur dengan tiga kapur sirih. iii. Ambil tiga buah bulangan yang masak, dan kemudian diambil airnya dengan kapur dan dibarutkan pada perutnya. Manakala, akar buah bulangan dimakan dengan sirih pinang.

Serawan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sirih, pinang, penjuru ii. Sirih, pinang, daun pagar anak, jintan hitam, cekur, jerangau iii. Sirih, pinang, adas manis, daun delima 	<p>Ambil penjuru dan dibakar pada tempatnya itu dan jangan dibawa menyorok pintu, kemudian dipips lumat-lumat dan akarnya itu dimakan dengan sirih pinang.</p> <p>ii. Kesemua bahan disembur dengan sirih pinang. Jika pesakit lelaki, sembur pada lambung kanan, manakala pesakit perempuan disembur pada lambung kiri.</p> <p>iii. Adas manis dan daun delima dimakan dengan sirih pinang selama tiga pagi.</p>
Ubat angin mengetik- ngetik (lenguh lumpuh)	<p>Sirih, pinang, akar cabai, akar lada, akar sirih, akar kaduk, jintan kedua, bawang merah, halia, lada sulah, daun delima, daun limau nipis, daun nyarang songsang, daun kait-kait, cekur, jerangau</p>	<p>Kesemua bahan dicampurkan dan disemburkan dengan sirih pinang. Jika sakit pada lengan, barutkan dengan kain.</p>
Ubat batuk	<ul style="list-style-type: none"> i. Sirih, pinang, buah pala ii. Sirih, pinang, gandarusa, limau kapas, kecubung iii. Sirih, pinang, terung perat, kaduk, mota, orang aring, lada sulah iv. Sirih, pinang, kederang, susur, kayu v. Sirih, pinang, timun tikus, unjun-unjun hijau vi. Sirih, pinang, bunga serasana vii. Sirih, pinang, kaduk viii. Sirih pinang, susun kelapa, kaduk, ruku-ruku, jintan hitam ix. Sirih pinang, raja penawar, kaduk, bawang merah, cekur, bonglai x. Sirih, pinang, nyarang songsang xi. Sirih, pinang, temu iring, kapur baru 	<ul style="list-style-type: none"> i. Buah pala dimakan dengan sirih pinang. ii. Kesemua daun gandarusa, daun limau kapas dan daun kecubung disembur dengan sirih pinang pada dada. iii. Akar terung perat, akar aduk, akar mota, akar orang aring dikerat tujuh dan dimakan dengan tujuh biji lada sulah dan sirih pinang, sirihnya itu bertemu urat. iv. Akar kederang, akar susur dan akar kayu yang mati sebelah dimakan dengan sirih pinang. v. Kerat akar timun tikus yang berkurung dan akar unjun-unjun hijau dan kemudian dimakan dengan sirih pinang. vi. Bunga atau buah serasana dimakan dengan sirih pinang. vii. Akar kaduk dimakan dengan sirih pinang. viii. Kesemua akar susun kelapa, akar kaduk, akar susun kelapa dimakan dengan sirih pinang. ix. Akar kaduk dikerat seni-seni, kemudian bubuh raja penawar, bawang merah, cekur, bonglai dan dimakan dengan sirih pinang

Sirih pinang dalam perubatan tradisional

Ubat patah/tergeliat	Sirih, pinang, kulit matarjam, akar kemuncup, suda lalang, bonglai, jintan, bawang merah	sambil menghadap matahari hidup. x. Akar nyarang songsang dimakan dengan sirih pinang. xi. Temu iring dan kapur barus dimakan dengan sirih pinang. Kesemua bahan dimamah dengan sirih pinang dan disembur ke tempat yang sakit.
Kayap api	Sirih, pinang, lada sulah, cekur, bawang, kapur	Ambil tujuh biji lada sulah, cekur tiga hiris dan bawang tiga hiris kemudian dimamah dan disembur dengan sirih pinang tiga kapur pada kayap itu.
Kayap	<i>i.</i> Sirih, pinang, kulit derdap, jintan hitam <i>ii.</i> Sirih, pinang, daun umbut rotan banir <i>iii.</i> Sirih, pinang, daun Sentul, bawang merah, jintan hitam, lada hitam, saga <i>iv.</i> Sirih, pinang, daun benalu hijau <i>v.</i> Sirih, pinang, daun jarak <i>vi.</i> Sirih, pinang, pucuk benalu <i>vii.</i> Sirih, pinang, daun hempedu tanah <i>viii.</i> Sirih, pinang, daun beberas putih <i>ix.</i> Sirih, pinang, akar gelang sumbu <i>x.</i> Sirih, pinang, daun jarum-jarum <i>xi.</i> Sirih, pinang, daun bintang <i>xii.</i> Sirih, pinang, daun delima, daun selasih, lada	<i>i.</i> Kulit derdap dan jintan hitam dimamah dengan sirih pinang, dan disembur ke tempat yang berkayap <i>ii.</i> Daun umbut rotan banir dimamah dengan sirih pinang dan disembur ke tempat sakit <i>iii.</i> Daun sentul yang gerutu, dicampur dengan semua ramuan dan dimamah dengan sirih pinang. Seterusnya, disembur ke tempat yang terkena kayap <i>iv.</i> Daun benalu disyaratkan cara pengambilannya dengan cara mengait dengan menggunakan serampang. Kemudian daun digiling lumat-lumat dan dilumurkan pada kayap. <i>v.</i> Dimamah bersama dan disembur ke tempat yang berkayap <i>vi.</i> Sirih pinang dimamah dengan pucuk benalu, kemudian disembur pada kayap <i>vii.</i> Sirih pinang dimamah dengan daun hempedu tanah, kemudian disembur pada kayap <i>viii.</i> Sirih pinang dimamah dengan daun beberas putih, kemudian disembur pada kayap <i>ix.</i> Sirih pinang dimamah dengan akar gelang sumbu, kemudian disembur pada kayap <i>x.</i> Daun jarum-jarum dimamah dengan sirih pinang dan disembur ke tempat kayap bagi membantutkan pertumbuhan kayap

		<p><i>xi.</i> Bahan ubatan gabungan dimamah dengan sirih pinang dan disembur ke tempat kayap</p> <p><i>xii.</i> Kesemua bahan dimamah dengan sirih pinang dan disembur ke tempat berkayap</p>
Ubat esak/lelah	<p><i>i.</i> Sirih, pinang, akar terung perat, akar kaduk, akar mota, akar orang aring, lada sulah tujuh biji</p> <p><i>ii.</i> Sirih, pinang, terung perat, akar kaduk, akar mikdat, akar orang aring, lada sulah tujuh biji</p> <p><i>iii.</i> Sirih, pinang, daun ara, daun gelang sumbu, daun rona siam</p> <p><i>iv.</i> Sirih, pinang, buah pala, cengkih, ketumbar</p>	<p><i>i.</i> Setiap akar dikerat tujuh dan dimakan dengan lada sulah dan sirih pinang, sirihnya yang bertemu urat.</p> <p><i>ii.</i> Setiap akar dikerat tujuh dan dimakan dengan lada sulah dan sirih pinang.</p> <p><i>iii.</i> Ketiga-tiga daun digenggam erat dan dipotong ekor kepalanya, kemudian dimamah dengan sirih pinang, bubuh lada sulah tujuh biji dan disemburkan pada sakit itu.</p> <p><i>iv.</i> Bungkus kesemua bahan dengan perca putih, ikat baik-baik dan disuapkan pada ayam. Ayam tersebut dikurung dan diberi berak, maka ambil ambil ubat itu dibuat lempeng dengan beras atau makan dengan sirih pinang tiga hari.</p> <p>Kesemua bahan dimamah dengan sirih pinang dan disembur.</p>
Ubat sapan	Sirih, pinang, daun kait-kait, daun cengal, daun seripis, cekur, bonglai, bawang merah, jintan hitam	Kesemua bahan dimamah dengan sirih pinang dan disembur.
Angin (perut)	Sirih, pinang, daun lenggundi, daun delima, daun selasih, lada, bonglai, jintan hitam, bawang merah, cekur, jerangau	Kesemua bahan disembur dengan sirih pinang pada perut yang sakit.

Jadual 3. Pengubatan sirih pinang berdasarkan Kitab Tibb MSS 2999

Penyakit	Materia medika	Kaedah rawatan
Ubat berakkan darah	Sirih, pinang, akar semanggi, kacu, jintan putih	Akar semanggi, kacu dan jintan putih dimakan bersama sirih pinang
Ubat batuk	Sirih, pinang, kelapa, cengkih, manjakani, kemukus, cengku, seduyah	Kesemua akar kelapa, akar pinang muda, pucuk sirih, pucuk cengkih, manjakani, kemukus, cengku dan seduyah digiling

Sirih pinang dalam perubatan tradisional

Sakit pinggang	i.Sirih, pinang, balik adap, sembung, terung asam ii.Sirih, pinang, kenanga, jeruju iii.Sirih, pinang, perapat	lumat-lumat dan kemudian airnya diminum. i.Kesemua akar balik adap, akar sembung dan akar terung asam dicincang lumat-lumat dan dimakan dengan sirih pinang. ii.Akar kenanga dan akar jeruju yang kedua-duanya menghadap matahari diambil dan dimakan dengan sirih pinang. iii.Akar perapat dimakan dengan sirih pinang.
Ubat rejan pada ari-ari	Sirih, pinang, buah pala, kapur	Ambil buah pala sebiji benam dahulu pada habu panas. Kemudian ambil sirih bertemu urat dan pinang tua yang kecil-kecil sebesar buah pala belah tiga. Beri kapur dan makan pagi-pagi sekapur, tengahari sekapur dan petang sekapur (makan selama tiga hari)
Meroyan muntah-muntah	Sirih, pinang, bawang merah, jintan hitam	Ambil bawang merah, jintan hitam dan dimakan dengan sirih pinang. Kemudian semburkan ke leher dan dada.

Jadual 4: Kaedah pengambilan preskripsi sirih pinang

No	Penyakit	Kaedah pengambilan preskripsi
1.	Balgham	Minum
2.	Sakit ulu hati	Sembur
3.	Demam tenat	Sembur/sapu/mandi
4.	Ubat sekalian	Bubuh/mandian
5.	Demam kura	Makan
6.	Bersimpul	Sembur
7.	Ubat rahawa makan tulang	Sembur
8.	Ubat salad dalam perut	Makan/sapu
9.	Ubat kuat zakar	Makan
10.	Ubat badam	Sembur
11.	Ubat gigi	Bubuh/makan
12.	Burut	Makan/sembur/barut
13.	Serawan	Makan/sembur

14.	Ubat angin mengetik-mengetik	Sembur/barut
15.	Ubat batuk	Makan/minum/sembur
16.	Ubat patah/tergeliat	Sembur
17.	Kayap	Sembur/lumur
18.	Ubat berak	Makan
19.	Ubat sakit manjan pada ari-ari	Makan
20.	Ubat tajam senak	Sembur
21.	Meroyan muntah-muntah	Sembur

Berdasarkan kepada ketiga-tiga Kitab Tibb tersebut, terdapat jenis penyakit yang dinyatakan adalah saling berkaitan. Sebagai contohnya masalah balgham (batuk basah) merupakan salah satu gejala yang berkaitan dengan batuk. Manakala, bagi masalah tajam senak, ianya merupakan gejala penyakit yang berkaitan dengan ulu hati. Cara pengambilan preskripsi ubatan ini terhasil daripada kaedah pengeskrakan sirih pinang bersama herba-herba gabungan yang melibatkan proses pengeringan, tumbukan, lumatan, pipisan dan rebusan. Walaupun tidak dinyatakan secara terperinci sukatan bagi beberapa jenis preskripsi, namun sukatan bagi setiap kaedah adalah bergantung kepada kesesuaian untuk tujuan terapeutik. Bagi kaedah infusi, herba-herba yang bersifat lembut seperti daun sirih, dahan, batang dan rizom perlu ditumbuk bagi memecahkan sel-sel tumbuhan. Teknik ini bagi membantu mengeskrak garam-garam alkaloid dan vitamin-vitamin larut air yang diperlukan. Ramuan yang ditumbuk ini ditapis dan air infusi tersebut diminum pada waktu tertentu seperti yang dicadangkan dalam kaedah pengambilan preskripsi bagi masalah balgham (air perahan diminum awal hari). Manakala bagi pengambilan preskripsi secara mandian, kaedah pengekstrakan rebusan (dedoksi) dan infusi digunakan bagi penyakit demam tenat dan ubat sekalian. Kearifan lokal masyarakat Melayu lama dalam setiap campuran herba dengan kaedah pengeskrakan yang bersesuaian dengan tabiat penyakit mampu mempercepatkan kesembuhan penyakit tersebut (Fazidah et al. 2015).

Dalam perubatan Melayu, terdapat pelbagai kaedah untuk merawat penyakit dalaman dan luaran dengan melihat kepada jenis penyakit tersebut (Abdul Razak 2006). Pengamal perubatan Melayu tradisional sudah sinonim dengan penggunaan herba yang terdapat di sekelilingnya seperti daripada sumber tumbuhan dan juga haiwan. Perubatan berasaskan tumbuhan herba ini sangat mudah didapati dan kebiasaannya ubat untuk sesuatu kaum tersebut ada di kawasan kaum tersebut, seperti mana yang tertulis dalam *Kitab al-Qanun fi Tibb* karangan Ibn Sina (Siti

Fatimah dan Yusmilayati 2019). Falsafah yang mengatakan bahawa setiap tumbuhan yang ada di sekeliling ini adalah sumber ubatan untuk manfaat manusia seiring dengan pendapat ulama Islam bahawa tumbuh-tumbuhan di muka bumi wujud sebanyak 6,666 jenis. Bilangan ini adalah bertepatan dengan jumlah ayat - ayat Al-Quran (Haliza 2005). Melalui kajian ini, pelbagai jenis temu, umbisi, daun, akar, kulit pokok dan rempah ratus digabungkan dalam pengubatan sirih pinang. Kepelbagaian jenis akar tumbuhan yang digunakan juga menunjukkan bahawa kebanyakan pengamal perubatan tradisional Melayu mempercayai khasiat perubatan yang utama terletak pada akar tumbuhan dan bagi tumbuhan yang berubi pula, khasiatnya terletak pada ubinya (Samihah et al. 2018). Selain itu, Abdul Razak (2006) menjelaskan bahawa pengamal perubatan tradisional membuat pemilihan tumbuhan ubatan dengan penuh teliti bagi menonjolkan kelebihan dan khasiat setiap aspek pada tumbuhan dalam usaha mengubati penyakit tertentu. Malah, keberkesanan rawatan juga bergantung kepada masa tumbuhan tersebut diambil memandangkan bahan aktif tumbuhan cenderung untuk berubah mengikut keadaan tanah, iklim dan musim pada waktu tumbuhan itu diambil. Selain itu, terdapat sesetengah tumbuhan menyerap nitrat dengan lebih banyak sekiranya tanah tersebut kaya dengan nitrat. Justeru, pengambilannya dalam jumlah yang banyak membawa kesan toksik kepada manusia. Faktor cuaca yang buruk menyebabkan kekurangan cahaya matahari bagi membekalkan tenaga kepada daun untuk menjalankan proses fotosintesis. Dengan ini, tumbuhan tidak dapat menukar kesemua nitrat yang terkumpul kepada sebatian lain yang tidak bertoksik. Tumbuhan ubatan yang berasal dari kawasan tanah yang tercemar dan kawasan yang bebas racun serta sebatian kimia yang bertoksik mempengaruhi keberkesanan nilai ubatan pada tumbuhan tersebut (Hean 2008). Tambahan lagi, kajian telah membuktikan bahawa perubahan kandungan aktif dalam sesuatu tumbuhan mampu untuk bertukar dalam tempoh 1 hingga 3 jam sahaja. Sebagai contohnya, pokok popi yang kebiasaannya dimanfaatkan untuk penghasilan dadah menunjukkan pengurangan alkaloid yang banyak seiring dengan penambahan waktu di siang hari (Faisal@Ahmad Faisal dan Nurul Wahidah 2012). Selain itu, umur dan kematangan tumbuhan juga menjadi faktor tumbuhan itu dimanfaatkan sebagai ubatan untuk merawat penyakit tertentu. Bahagian kulit daripada ranting, dahan dan batang pokok mengandungi sebatian kimia yang berbeza dan dalam sesetengah keadaan, kulit daripada bahagian yang lebih muda atau daun muda lebih diperlukan untuk pengubatan berbanding kulit atau daun yang lebih tua. Penggunaan tumbuhan ubatan mengikut tahap kematangan yang berbeza mampu menjadikannya sebagai ubatan yang tidak berfungsi. Misalnya, pokok halia kebiasaannya dituai pada tiga peringkat kematangan yang berbeza iaitu pada peringkat muda, sederhana dan tua. Setiap peringkat akan memberikan kesan dan rasa yang berbeza dalam amalan pengubatan (Hean 2008).

Selain itu, melalui kajian ini, satu jenis penyakit mempunyai beberapa formulasi yang menggunakan sinergi sirih atau pinang serta kedua-duanya sekali. Hal ini

adalah bertepatan dengan ilmu perubatan Melayu tradisional bahawa preskripsi dan rawatan penyakit adalah bergantung kepada punca penyakit yang disebabkan sama ada oleh angin, balgham, darah atau campuran darah dan angin. Sebagai contohnya, penyakit yang disebabkan oleh gangguan unsur angin dapat diketahui melalui simptom-simptom seperti badan gementar, pening kepala, tubuh menggeliat dan sakit pada bahagian rusuk dan perut. Manakala, penyakit yang tercetus akibat gangguan balgham akan menunjukkan simptom kesejukan, hilang selera makan dan demam pada waktu pagi (Abdul Samad 1980). Berdasarkan teori perubatan Melayu, tubuh akan sihat jika perjalanan darah itu lancar dan ianya berkait rapat dengan empat unsur badan iaitu air, api, tanah dan angin. Perawat tradisional Melayu mampu menentukan sama ada badan seseorang itu sihat atau tidak berdasarkan kepada kaedah naturalistik dan kaedah personalistik. Kaedah naturalistik melibatkan tanda simbolik yang terhasil secara tidak langsung daripada keadaan tubuh. Antara contoh tanda diagnosis (*symbolic sign*) ialah diagnosis tapak tangan, denyutan nadi, iridologi, pemerhatian lidah dan pemerhatian wajah (Muhammad Nasiruddin 2012; Nik Mohd Shafikudin 2017). Bagi diagnosis tapak tangan, sekiranya tapak tangan bersuhu panas dan terasa sejuk di bahagian kaki, ini menandakan bahawa terdapat masalah pada bahagian perut ke bawah. Manakala, tafsiran bagi denyutan nadi pesakit pula adalah berdasarkan kepada denyutan nadi yang kuat atau lemah. Nadi yang kuat menunjukkan bahawa tubuh pesakit berada dalam keadaan panas, sama ada panas di dalam atau di luar. Manakala nadi yang lemah pula memberi petunjuk kepada sistem kerja tubuh yang lemah dan ianya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti emosi, pemakanan dan gaya hidup. Diagnosis iridologi yang melibatkan analisis iris mata dapat menunjukkan keadaan kesihatan berdasarkan bentuk dan keadaan serat iris mata pesakit. Misalnya, iris mata yang berserat lurus dan rapat menunjukkan sistem imun yang tinggi, manakala tubuh yang lemah berserat longgar dan berbentuk seperti bunga karang (sistem imun rendah). Seterusnya, pemerhatian pada lidah pula dapat dilihat pada warna dan keadaan lidah. Sebagai contohnya, lidah yang licin menandakan keadaan tubuh yang sejuk, manakala keadaan tepi lidah yang bergerigi dan berlekuk menunjukkan keadaan tubuh yang panas. Bagi pemerhatian pada wajah, antara contoh yang dapat dilihat adalah wajah yang berwarna kuning membawa maksud wujudnya permasalahan pada organ pankreas, limpa, perut dan pundi hempedu (Ismail 2018). Manakala, bagi kaedah personalistik pula, perawat meminta bantuan kuasa luar biasa dan menggunakan rawatan yang terdiri daripada unsur flora serta memaklumkan kepada pesakit mengenai pelbagai jenis pantang larang (Nik Mohd Shafikudin 2017). Setiap pesakit mempunyai reaksi yang berbeza bagi penyakit yang sama walaupun pesakit tersebut mempunyai persamaan dari segi usia, jantina, tinggi atau sifat-sifat fizikal yang lain (Hean 2008).

Justeru, berdasarkan kepada punca penyakit dan hasil diagnosis pesakit, pelbagai jenis preskripsi wujud untuk satu jenis penyakit dengan merujuk terlebih dahulu

kepada sifat tabii pesakit. Setelah diketahui sifat tabii pesakit, barulah kemudian sbut secara spesifik dalam naskhah perubatan Melayu. Kearifan lokal masyarakat Melayu lama dalam mendiagnosis penyakit dan menentukan ubatan yang sesuai memberikan gambaran bahawa setiap keadaan tubuh badan pesakit itu adalah berbeza walaupun penyakitnya adalah sama.

Kaedah Rawatan Sirih Pinang

Keunikan perawatan sirih pinang ditonjolkan melalui kaedah semburan ramuan sirih pinang. Sirih pinang yang dikunyah bersama bahan ubatan gabungan yang lain kemudiannya disemur pada kawasan yang bermasalah. Berdasarkan 21 jenis penyakit yang dinyatakan, 12 daripadanya melibatkan kaedah semburan sirih pinang. Dalam konteks pengubatan sirih pinang, air kunyahan sirih berkait dengan unsur spiritual. Masyarakat Melayu meyakini bahawa air kunyahan sirih mempunyai satu unsur kepanasan dan kekuatan yang mampu merawat penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus (Iswadi dan Suryo 2017). Justeru, bagi sesetengah penyakit yang kemungkinan disebabkan oleh gangguan makhluk halus dapat dibantu dengan rawatan kaedah semburan sirih pinang. Ridley (1897) dalam catatannya yang bertajuk *Malay Materia Medica* menyatakan bahawa gandingan sirih dan pinang menunjukkan kesan yang luar biasa dalam merawat penyakit demam, iaitu hanya dengan cara membaca ayat-ayat Al-Quran dan kemudian sirih pinang disemur ke atas kepala pesakit yang mengalami masalah demam. Beliau juga turut menyatakan bahawa cara ini praktikal bagi pelbagai lagi jenis penyakit sehinggakan beliau menganggap kaedah ini adalah salah satu bentuk hipnotisme yang diamalkan oleh ahli sihir biasa.

Melalui dapatan daripada manuskrip perubatan Melayu terpilih ini, terdapat preskripsi yang diberi melalui kaedah oral. Amalan ini adalah sama dengan amalan perubatan konvensional di mana penyakit seperti batuk dan demam diberi ubat-ubatan dalam bentuk kapsul yang boleh ditelan. Malah, ubatan ekspektoran juga boleh didapati dalam bentuk sirap dan tablet. Selain itu, kaedah perubatan Melayu yang menggunakan kaedah topikal seperti sapuan luaran juga mempunyai persamaan dengan perubatan moden yang menggunakan ubat sapuan bagi masalah kulit.

Formulasi rawatan sirih pinang bagi penyakit dengan gabungan kepelbagaian jenis ramuan ini bersesuaian dengan dapatan Parasuraman et al. (2014) yang menyatakan bahawa penggunaan gabungan tumbuhan ubatan adalah lebih baik daripada penggunaannya secara tunggal. Keberkesanan terapeutik sebatian tumbuhan herba yang pelbagai dapat mengatasi kesan sampingan yang ada pada sesetengah tumbuhan tersebut. Perkara ini juga bertepatan dengan pendapat Ibn Sina bahawa sesuatu adunan ubat masih mampu memberi kesan negatif dan kesan ini boleh dineutralkan dengan mencampurkan kompaun asli kimia daripada

tumbuhan, mineral dan sumber haiwan (Pouya et al. 2012). Sinergi sirih pinang bersama dengan materia medika yang lain menunjukkan bahawa sebatian aktif dengan kesan farmakologi yang sama tertumpu kepada sistem fisiologi yang sama, dan seterusnya memberikan kesan sinergistik yang diinginkan (Benzie dan Wachtel-Galor 2011). Selain itu, berdasarkan enam penyakit yang disebutkan di atas, empat daripadanya menggunakan kaedah rawatan semburan sirih pinang. Kaedah semburan ini timbul hasil daripada keyakinan masyarakat Melayu bahawa air sirih yang dikunyah mengandungi unsur spiritual dan unsur kekuatan yang boleh merawat penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus (Iswadi dan Suryo 2017; Asmiaty dan Fadila 2018).

Melalui penelitian materia medika yang direkodkan, hanya satu jenis sirih sahaja yang dinyatakan sebagai sirih kuning, iaitu dalam prekripsi untuk merawat masalah balgham. Manakala dalam rawatan penyakit selebihnya tidak dinyatakan secara spesifik jenis sirih yang digunakan. Namun begitu, dalam perubatan tradisi masyarakat Melayu, sirih yang berwarna agak gelap dan terletak di bahagian tengah pokok serta mempunyai akar untuk berpaut dikategorikan sebagai sirih yang sesuai untuk tujuan tersebut. Faktor pemilihan ini adalah disebabkan kebanyakan daun sirih bertemu urat mudah diperolehi di bahagian tersebut. Kepercayaan masyarakat Melayu terhadap kemujaraban sirih bertemu urat merupakan asas utama dalam praktik ilmu pengobatan yang melibatkan sirih (Asmiaty dan Fadila 2017).

Maka, gabungan sirih dan pinang ini diyakini berupaya menghasilkan kesan penyembuhan yang diinginkan. Melalui pengalaman pengobatan sirih pinang ini jelas bahawa masyarakat Melayu lama mempunyai kearifan lokal perubatan yang diperolehi melalui pengalaman bersama ruang alam yang didiaminya sehingga mampu mencipta ubat melalui kaedah rawatan yang pelbagai dan bersesuaian dengan tabiat sesuatu penyakit. Dalam soal pengobatan penyakit, tumbuhan herba diakui akan keberkesanannya, namun demikian, keberkesanannya melalui penggunaan dos yang optimum perlu diberi perhatian. Hal ini adalah kerana, sebarang kesan sampingan yang boleh mengganggu gugat kesihatan dapat dielakkan. Maka, kajian saintifik yang teliti bagi mengenal pasti bahan aktif fitokimia yang berkepekatan tinggi dalam ekstrak tumbuhan herba tersebut perlu dilaksanakan. Selain itu, kadar penyerapan, metabolisme dan perkumuhan fitokimia juga perlu dikenal pasti dan seterusnya penentuan profil farmakokinetik fitokimia ekstrak tumbuhan herba dijalankan. Dan akhir sekali, pengesahan bioaktiviti metabolit tersebut boleh dilaksanakan secara *in vivo* (Shazwan 2014).

Perubatan sirih pinang membuka ruang kajian saintifik yang luas memandangkan gandingan sirih pinang wujud dalam pelbagai jenis rawatan penyakit berdasarkan kepada kajian tinjauan literatur yang dijalankan. Di saat masyarakat menderita dengan pelbagai jenis penyakit kronik dan tiada harapan sembuh dengan ubat-ubatan moden, maka perubatan tradisi ini mampu memberi sinar harapan kepada mereka dengan kaedah rawatan yang tepat mengikut jenis-jenis penyakit.

Kepentingan rawatan yang bersifat mengekalkan kesihatan dan menghilangkan penyakit ini juga perlu diketengahkan agar permasalahan penyakit tidak akan terus berulang lagi. Malah, komuniti dan masyarakat setempat mampu menikmati kehidupan yang lebih sihat dengan mengenali ubatan-ubatan setempat yang mudah dan cepat bagi mencegah penyakit. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada ruang kajian saintifik yang lebih mendalam agar dapat membantu kepada peningkatan taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat Malaysia seiring dengan perubatan moden.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, penggunaan sirih pinang tidak hanya tertumpu pada aspek adat istiadat Melayu, malah daripada adat ianya sudah menjadi satu ibadah apabila kegunaannya berunsurkan alamiah (*natural*) dan ilahiah (*sense of God*), terutamanya dalam soal perawatan penyakit. Nilai perubatan yang ada pada tumbuhan sirih pinang sewajarnya dimanfaatkan oleh masyarakat Malaysia khususnya, di samping tidak terus mengetepikan perubatan konvensional dalam mendiagnosis penyakit dan merawat masalah yang berkait dengan kecemasan. Justeru, persepsi negatif terhadap perubatan sirih pinang harus diperbetulkan agar manfaat perubatannya dapat diketengahkan dan dipraktikkan dengan tatacara yang benar oleh masyarakat. Tanggungjawab ini perlu digalas bersama oleh semua pengkaji Melayu Islam khususnya di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan geran Universiti Kebangsaan Malaysia, Geran Galakan Pengurusan dan Profesional (GGPP), Pendokumentasian Tumbuhan berasaskan Manuskrip Tib Melayu: Kajian Penggunaan dan Khasiatnya. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Hussain. 2015. *MSS 2999 Kitab Tib: Pandangan dan tafsiran perubatan moden terdapat manuskrip perubatan melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Razak Abdul Karim. 2000. *Kitab Tib Pontianak: Jenis-jenis penyakit dan bahan- bahan yang digunakan untuk perubatan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Abdul Razak Abdul Karim. 2006. *Analisa bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Ahmad. 1988. *Warisan perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. 2003. *Melestarikan manuskrip Melayu: Sejarah awal penulisan manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ali Mohammad. 2008. Sumbangan tamadun Islam dalam kehidupan masyarakat di alam Melayu hingga abad ke-17 M. *Journal of Al-Tamaddun* 3(1): 68–84.
- Anim Agro Technology. 2011. Sireh. <http://animhosnan.blogspot.com/2011/11/sireh.html> (accessed 30 November 2019).
- Anita Rasuna Sari Siregar, Nurul Fadhliah and Ashar Hasairi. 2021. Botani ekonomi dan pemanfaatan sirih (*Piper bethe L.*) di pasar tradisional Sukaramai, Kota Medan. *Prosiding Sixth Postgraduate Bio Expo 2021 Webinar Nasional VII Biologi Dan Pembelajarannya 2021*: 203-212.
- Awangku Merali. 2002. *Tanjung*. Kuala Lumpur: Dewan Sastera.
- Arief Dwinanto., Rini Soemarwoto and Miranda Risang Ayu Palar. 2019. Budaya sirih pinang dan peluang pelestariannya di Sumba Barat, Indonesia. *Patanjala* 11(3): 363-379.
- Asmiaty Amat and Fadila Sarbi. 2018. Persamaan dan perbezaan konsep dan amalan perubatan tradisional Melayu dan Cina. In *Perubatan tradisional aplikasi semasa*, eds. M. N. Darlina Md. Naim, Zuraidah Mohd Yusof and Saad Othman, 37-56. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Benzie, I. F., and Wachtel-Galor, S. 2011. *Herbal medicine: Biomolecular and clinical aspects*. 2nd ed. New York: CRC Press.
- Calderon, A. R., Munoz, J. A., Moreno, D. and Celis, M. 2019. Describing and diffusing the ethnobotanical knowledge of Bogota D.C. Columbia through an online tool focused on common names of plants. *Acta Botanica Brasilica* 33(2): 303-314.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid and Nurul Wahidah Fauzi. 2012. Perubatan melayu tradisional: kitab tidd Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun* 7(1): 149-162.
- Fazidah Rosli, Noorshilawati Abdul Aziz and Nur Masriyah Hamzah. 2015. Penggunaan tumbuhan herba sebagai kaedah rawatan di kalangan masyarakat Melayu. Kofereni akademik 2015 pelestarian warisan Melayu pencetus penambahan ilmu, Universiti Teknologi MARA.
- Gimlette, J.D., and Burkill, I. H. 1930. The medical book of Malayan medicine, translated by Inche' Ismail, possibly in Penang, circa 1886. *Garden Bulletin* 6(11-15): 323-474.
- Gupta, P.C and Warnakulasuriya, S. 2002. Global epidemiology of areca nut usage. *Addiction Biology* 7(1): 77-83.

- Haliza Mohd Riji. 2005. *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah. 2017. *Kitab tib muzium Terengganu*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
- Hean Chooi Ong. 2008. *Rempah-ratus: khasiat makanan & ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Iswadi Bahardur and Suryo Ediyono. 2017. Unsur-unsur ekologi dalam sastra lisan mantra pengobatan sakit gigi masyarakat kelurahan Kuranji. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Indonesia, dan Pembelajarannya* 1(2): 24.
- IARC. 2004. Betel-quid and areca-nut chewing and some areca-nut-derived nitrosamines. IARC monographs on the evaluation of carcinogenic risks to humans 85:1–427. <https://doi.org/10.1002/food.19940380335>
- Ismail Ahmad. 2018. *Kitab perubatan jawi*. Perlis: HPA Industries SDN.BHD.
- Khair Johari. 2013. *An introduction to the use of sirih in Malay culture*. Singapore: Passage.
- Kister, M. P., Borowska, K., Kister, K. A., Wojtowicz, A. and Jodlowska-Jedrych, B. 2017. Risks associated with betel quid chewing. *Current Issues in Pharmacy and Medical Sciences* 30(1): 24–26.
- Kitab Tibb MSS 3126. Koleksi transliterasi Universiti Sains Islam Malaysia.
- Lee, C.H., Ko, Y.C., Huang, H.L., Chao, Y.Y., Tsai, C.C, Shieh, T.Y. and Lin, L.M. 2003. The precancer risk of betel quid chewing, tobacco use and alcohol consumption in oral leukoplakia and oral submucous fibrosis in Southern Taiwan. *British Journal of Cancer* 88: 366-72.
- Md Farid Hossain, Mustafa Anwar, Shaheen Akhtar and Sharker Md Numan. 2017. Uses impact of betel leaf (*Piper betle L.*) on public health. *Science Journal of Public Health* 5(6): 408-410.
- Muhammad Nasiruddin Mohd Sobri. 2012. *Risalah ilmu perubatan*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Naseer Sobree. 2020. *Bustanus Salatin*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin. 2017. Perkhidmatan perubatan komplementari: Perkongsian amalan di pusat kesihatan universiti. Seminar PRAGMATIS USIM 2.0, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noraida Arifin. 2005. *Penyembuhan semula jadi dengan herba*. Kuala Lumpur: PTS Millinea.
- Parasuraman, S., Thing, G., and Dhanaraj, S. 2014. Polyherbal formulation: Concept of ayurveda. *Pharmacognosy Reviews* 8(16): 73.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2001. Sirih pinang. <https://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-pinang.htm> (accessed 30 November 2019).
- Petrovska, B. B. 2012. Historical review of medicinal plants' usage. *Pharmacognosy Reviews* 6(11): 1-5.
- Pisol Maidin. 2013. Ilmu Anatomi dan Fisiologi dalam Kitab Bustan al-Salatin. In *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara Meneliti Khazanah Sastera*,

- Bahasa dan Ilmu*, eds. Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman and Nazarudin Zainun, 180-192. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pisol Maidin. 2014. Daripada falsafah menjadi sains: Doktrin perubatan Melayu dalam Kitab Bustan al-Salatin. Seminar Manuskrip Melayu Antarabangsa. Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.
- Pouya Faridi, Jamshid Roozbeh and Abdoali Mohagheghzadeh. 2012. Ibn-Sina's life and contribution to medicinal therapies of kidney cauli. *Iranian Journal of Kidney Diseases* 6(5): 339-345.
- Ridley, H. N. 1897. *Malay Materia Medica*.
- Samihah Khalil@Halim, Siti Alida John Abdullah and Rusniah Ahmad. 2018. *Tumbuhan ketum di Malaysia: Cabaran dan prospek*. Kedah: UUM Press.
- Samuel, A. J. S. J., Kalusalingam, A., Chellapan, D. K., Gopinath, R., Radhamani, S., Husain, A., Muruganandham, V., and Promwichit, P. 2010. Ethnomedical survey of plants used by the orang asli in Kampung Bawong, Perak, West Malaysia. *Journal of Ethnobiology and Ethnomedicine* 6(5): 1-6.
- Serli Touwely., Agusthina Christina and Korlina Kakiay. 2020. Sirih pinang sebagai simbol pemersatu keluarga (suatu kajian pemaknaan budaya sirih pinang dalam konteks masyarakat Riring, Kecamatan Taniwel. *Jurnal Ilmu Sosial Keagamaan* 1(1): 12-27.
- Shazwan Abd Shukor. 2014. Kajian bioavailability dan farmakokinetik dukung anak bagi menjamin rawatan herba yang berkesan. *Buletin Teknologi MARDI* 6: 45-51.
- Shue Fang Yap., Pei Shan Ho, Hsiao Ching Kuo and Yi Hsin Yang. 2008. Comparing factors affecting commencement and cessation of betel quid chewing behaviour in Taiwanese adults. *BMC Public Health* 8(199): 1-9.
- Siti Fatimah Abd Aziz and Yusmilayati Yunos. 2019. Khasiat herba dalam Kitab Tib Melayu. *Akademika* 89: 151-162.
- Soni, H and Sharma, M. J. K. 2020. Synergistic prophylaxis on covid-19 by nature golden heart (*Piper betle*) & swarna bhasma. *Asian Journal of Research in Dermatological Science* 3(2): 21-27.
- Taib Osman. 1989. *Malay folk beliefs: An integration of disparate elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Maria Nabillah Wan Abdul Ghani., Ishak Abdul Razak., Yi-Hsin Yang., Norain A Talib., Noriaki Ikeda., Tony Axell., Prakash C Gupta., Yujiro Handa., Norlida Abdullah., and Rosnah Zain. 2011. Factors affecting commencement and cessation of betel quid chewing behaviour in Malaysian adults. *Biomed Central Public Health* 11(82): 1-6.
- Warnakulasuriya, S., Trivedy, C., and Peters, T. J. 2002. Areca nut use: an independent risk factor for oral cancer. *British Medical Journal* 324(7341): 799-800.

- Wei Peng, Yu Jie Liu, Na Wu, Tao Sun, Xiao Yan He, Yong Xiang Gao and Chun Jie Wu. 2015. *Areca catechu* L. (Arecaceae): A review of its traditional uses, botany, phytochemistry, pharmacology and toxicology. *Journal of Ethnopharmacology* 164: 340-356.
- Yoshikawa, K., Yamada, H. and Matsushima, M. 2021. Betel quid chewing and its associated factors in Myanmar: a quantitative study. *International Journal of Drug Policy* 92: 103047.